KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

TEKS UCAPAN
YAB DATO' SERI DR. AHMAD ZAHID BIN HAMIDI
TIMBALAN PERDANA MENTERI DAN
MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

MAJLIS PERASMIAN EKSPO INSTITUSI PENDIDIKAN TVET@KKDW 2024

BERTEMPAT DI
MELAKA INTERNATIONAL TRADE CENTRE (MITC), MELAKA

PADA
27 SEPTEMBER 2024 (JUMAAT)

Salam Sejahtera, Salam Luar Bandar Sejahtera, dan Salam Malaysia MADANI.

Terima kasih Saudara dan Saudari Pengacara Majlis.

(SALUTASI)

MUKADIMAH

1. Sejak saya dilantik sebagai Timbalan Perdana Menteri dan diberi mandat untuk mempengerusikan Majlis TVET Negara pada 7 Februari 2023, saya tidak lagi menoleh kebelakang. Saya melihat potensi besar TVET bukan sahaja dalam melahirkan tenaga kerja mahir negara, tetapi juga sebagai kunci untuk meningkatkan pendapatan dan taraf hidup anak-anak bangsa pada masa hadapan.

2. Sejak tarikh tersebut, Kerajaan telah menubuhkan Sekretariat Majlis TVET Negara di bawah pejabat saya sendiri untuk menyelaraskan agenda TVET yang melibatkan 12 kementerian dengan peruntukan tahunan melebihi RM6.8 bilion. Sistem UP_TVET kemudian dibangunkan dan dilancarkan untuk menyelaraskan permohonan kemasukan ke semua 1,345 institusi TVET di seluruh negara.

3. Kerajaan juga terus mengorak langkah dengan mengisytiharkan 2 Jun setiap tahun sebagai Hari TVET Negara sebelum diluncurkan Dasar TVET Negara 2030. Usaha diteruskan dengan memperkasa rangkaian universiti di bawah Malaysian Technology University Network (MTUN), yang kini disertai oleh Universiti Kuala Lumpur (UniKL).

4. Saya sendiri telah menjelajah ke London, Berlin, Tokyo, dan Beijing untuk mempromosikan TVET Malaysia di persada antarabangsa, dan antara tahun 2023 hingga pertengahan tahun 2024 - lebih daripada 636 jaringan kerjasama dengan syarikat-syarikat domestik dan global telah berjaya kita capai bersama. Malah, Negara China sendiri menawarkan 3,125 tempat untuk pelajar Malaysia bagi mempelajari TVET secara percuma.

5. Dari kaca televisyen, dada-dada akhbar, hingga ke corong radio… saya hadir bagi mengangkat sebuah agenda nasional yang amat penting. Tetapi ada yang bertanya, mengapa saya perjuangkan TVET begitu sekali?

6. Kerana saya yakin dan percaya, TVET adalah pemacu utama atau *game-changer* - dalam usaha Kerajaan untuk

melahirkan tenaga kerja berkemahiran tinggi, dan TVET juga merupakan faktor utama dalam menjadikan Malaysia sebuah negara maju satu hari nanti.

MEMPERKASA PENDIDIKAN TVET KKDW

Hadirin dan hadirat sekalian,

7. Hari ini, kita meneruskan legasi **Ekspo Institusi Pendidikan TVET@KKDW** yang kini memasuki tahun keenam penganjurannya. KKDW, dengan rangkaian 279 institusi TVET… jumlah terbesar berbanding yang lain.. terus memperkukuhkan momentum untuk meningkatkan kesedaran dan menarik minat pelajar, belia, serta komuniti luar bandar terhadap bidang TVET.

8. Berdasarkan data terkini, jumlah enrolmen pelajar telah mencecah lebih 408,000 orang, mencerminkan penerimaan masyarakat yang semakin meluas terhadap pendidikan TVET. Saya melihat banyak institusi TVET semakin proaktif dalam menyesuaikan kursus yang ditawarkan agar selari dengan keperluan industri yang sentiasa berubah.

9. Beberapa institusi telah beralih kepada bidang seperti kenderaan elektrik (EV), keselamatan siber, kecerdasan buatan (*artificial intelligence*), bahan termaju (*advanced materials*), teknologi elektronik, mekanisasi ladang, serta automasi pertanian dan penternakan. Selain itu, kursus kemahiran seperti kulinari, reka bentuk fesyen, elektronik dan elektrikal juga terus diperbaharui bagi memenuhi kehendak pasaran semasa.

10. Semua inisiatif ini bertujuan untuk melahirkan graduan yang bukan sahaja berkualiti, tetapi juga mempunyai kepakaran yang tinggi - seterusnya meningkatkan kebolehpasaran mereka. Statistik menunjukkan kebolehpasaran graduan TVET di bawah KKDW mencapai 98.7 peratus, mengatasi kadar kebolehpasaran peringkat nasional yang berada pada 94.5 peratus.

11. Ini bermakna, daripada setiap 100 graduan institusi TVET KKDW, 98 daripadanya berjaya mendapatkan pekerjaan, menjadi usahawan, atau melanjutkan pengajian. Ini jelas membuktikan keberkesanan ekosistem TVET di bawah KKDW dalam melahirkan graduan berprestasi tinggi dan berkerjaya.

12. Alhamdulillah, saya melihat Ekspo ini mencapai hasratnya. Selain daripada melahirkan tenaga berkemahiran, ia juga menjadi platform kepada kerjasama produktif antara institusi TVET dan syarikat-syarikat industri dalam pelbagai bidang. Sekejap lagi, kita akan menyaksikan 16 pertukaran Memorandum Persefahaman (MoU) di antara institusi TVET dan rakan industri yang akan menjadi pemangkin dalam memastikan padanan antara penawaran *(supply)* dan permintaan *(demand)* berlaku secara komprehensif - seterusnya mengukuhkan ekosistem TVET itu sendiri.

13. Jadi, buat pelajar TVET yang kini *terhangat di pasaran* - gunakan peluang seperti Ekspo hari ini untuk berinteraksi terus dengan industri, mendapatkan pandangan serta mempelajari keperluan-keperluan terkini - sekaligus memperluaskan rangkaian kerjaya anda. Dengan pengukuhan *supply* dan *demand* dalam ekosistem TVET yang semakin meluas. Insha-Allah agenda TVET akan kekal relevan dan berdaya saing - lantas menjadi penyumbang utama kepada kemajuan negara.

MEMACU TRANSFORMASI INDUSTRI DAN TENAGA MAHIR MELALUI TVET

Hadirin dan hadirat sekalian.

14. Pada suku kedua 2024, KDNK Malaysia mencatatkan pertumbuhan kukuh sebanyak 5.9%, meningkat daripada 4.2% pada suku pertama. Pertumbuhan ini adalah bukti jelas bahawa dasar ekonomi MADANI mula membuahkan hasil dan memacu transformasi industri negara.

15. Kerajaan yakin bahawa momentum ini akan terus diperkukuh melalui pelaksanaan **Pelan Induk Perindustrian Baharu (NIMP 2030), Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara (NETR),** serta **Strategi Semikonduktor Nasional (NSS)** yang dijangka menarik pelaburan bernilai tinggi dan memperkukuhkan daya saing Malaysia.

16. **Transformasi industri** semakin rancak dengan pelaburan bernilai RM160 bilion yang diluluskan dalam separuh pertama 2024 - membuktikan komitmen Kerajaan untuk mewujudkan persekitaran mesra perniagaan dan menyokong pelaburan strategik. Kerajaan juga memberi fokus kepada sektor ***'High-Growth, High-Value' (HGHV)*** seperti tenaga, teknologi digital, serta industri elektrik dan elektronik sebagai pemacu utama pertumbuhan masa depan.

17. Jadi mengapa **transformasi industri** ini penting bagi Agenda TVET Negara? Kerana ia akan membuka lebih banyak peluang pekerjaan bernilai tinggi, yang memerlukan tenaga kerja mahir dan berteknologi tinggi. Justeru, menjadi tanggungjawab kita bersama untuk memastikan ekosistem yang tepat diwujudkan bagi menyokong keperluan ini.

18. Menyentuh hal ini, Kerajaan terus aktif menjalin kerjasama antarabangsa bagi mentransformasikan TVET. Sebagai contoh, penubuhan Malaysia-China Institute (MCI) kini telah menjadi platform kerjasama antarabangsa dalam menyediakan latihan terkini yang relevan dengan keperluan industri global - terutamanya dalam sektor-sektor yang dipacu oleh teknologi di China.

19. Di samping itu, perjanjian persefahaman dengan rakan-rakan strategik dari China dengan institusi TVET seperti UniKL telah mula berjaya membawa masuk peralatan dan teknologi khas daripada China - memperlihatkan hasil nyata dari kolaborasi strategik yang dimulakan.

20. Kejayaan ini bukan sahaja menjadi lambang kejayaan kerjasama dua-hala, tetapi juga membuka peluang lebih besar untuk akses pertukaran teknologi terkini dan ilmu

baharu antara kedua-dua negara. Melalui inisiatif ini, para pelajar dan tenaga pengajar Malaysia akan meningkatkan lagi kecekapan kemahiran serta daya saing mereka di peringkat global.

21. Saya yakin dengan pemindahan teknologi global serta pelaburan yang berterusan - dipacu melalui sistem TVET yang berdaya saing, ia akan mempercepatkan lagi usaha kita untuk menjadikan Malaysia sebuah negara maju seperti yang kita semua impikan.

MEMPERKASA TVET@KKDW MELALUI PROGRAM TVET BERIMPAK TINGGI

Hadirin dan hadirat sekalian,

22. KKDW sebagai pemegang taruh terbesar institusi TVET negara terus memperkukuhkan peranannya melalui Program TVET Aras Tinggi (Hi-TVET). Pelbagai program berimpak tinggi diperkenalkan dalam sektor strategik seperti aeroangkasa, perkapalan, teknologi rel, robotik, dan satelit.

23. Sebagai contoh, kursus dalam bidang aeroangkasa kini fokus kepada melatih tenaga kerja dalam pengeluaran

dan penyelenggaraan pesawat, selaras dengan keperluan industri penerbangan. Begitu juga, graduan TVET dalam bidang perkapalan dan teknologi rel menjadi penekanan dalam memenuhi keperluan pengangkutan global.

24. YAB Perdana Menteri sendiri amat menggalakkan institusi TVET membangunkan program latihan untuk memantapkan sektor dan industri dengan pertumbuhan dan nilai tinggi. KKDW menyahut pelaksanaan program latihan berimpak tinggi ini dengan menyediakan program *upskilling* dan *reskilling* khas bagi memantapkan tenaga pengajar dengan mengadakan kerjasama dengan institusi seperti Polimoda Itali dalam bidang fesyen, Dekra Akademie Jerman dalam bidang motor elektrik dan bateri, IBM Malaysia dalam bidang komputer.

25. Selain itu, dalam usaha mengukuhkan program berimpak tinggi - KKDW kini giat melaksanakan TVET Tahfiz - yang mengintegrasikan pendidikan Islam dengan kemahiran teknikal bagi melahirkan modal insan huffaz. Saya berbangga melihat *UniKL Malaysian Institute of Aviation Technology (MIAT)* dan Institut Kemahiran MARA (IKM) Lumut yang telah melahirkan ramai graduan TVET Tahfiz yang bukan sahaja mahir dalam teknologi, malah Huffaz

profesional yang menyumbang kepada pelbagai sektor industri.

26. Tambahan daripada itu, inovasi TeknoUsahawan yang sedang dilaksanakan di beberapa institusi TVET harus dipuji dan terus diperkasakan. Ini kerana selain bergantung kepada tawaran gaji daripada majikan, usahawan-usahawan yang lahir daripada institusi TVET mampu menjana pendapatan sendiri dan mampu menggajikan individu lain atau melahirkan usahawan lain. Sehingga tahun 2023, seramai 418 pelajar Diploma TeknoUsahawan dari 8 kluster TVET telah mencatatkan pendapatan keseluruhan sebanyak RM60 juta dalam tempoh pengajian mereka, menunjukkan potensi besar dalam bidang ini.

27. Bagi menyantuni 1.16 juta pekerja P-Hailing dan E-Hailing pula, KKDW turut menawarkan kursus jangka pendek seperti Teknologi Automotif dan Servis Motosikal, memberi peluang untuk meningkatkan kemahiran dan pendapatan serta membuka jalan kepada pendidikan lanjutan.

28. Melalui semua pendekatan-pendekatan ini, Insha-Allah.. institusi TVET@KKDW akan terus menjadi pembekal

utama modal insan kompeten dalam industri berteknologi tinggi - bersedia menghadapi cabaran masa depan.

PENUTUP

29. KKDW, sebagai peneraju pembangunan luar bandar, optimis menjadikan pendidikan TVET sebagai instrumen utama untuk meningkatkan taraf hidup masyarakat luar bandar melalui peluang kerjaya yang luas dan relevan dengan keperluan industri.

30. Selaras dengan matlamat Dasar TVET Negara 2030, saya menyeru lebih banyak pihak untuk bekerjasama dengan KKDW dalam memperjuangkan kebajikan rakyat melalui pendidikan kemahiran, khususnya buat masyarakat desa.

31. Saya yakin penganjuran Ekspo TVET@KKDW ini akan mencapai matlamatnya dan menyuntik semangat kepada semua warga Institusi TVET KKDW untuk memberikan perkhidmatan terbaik dan merencana program yang mampu melonjak agenda TVET negara.

32. Kepada anak muda di hadapan saya, serta belia di luar sana - jadikanlah program seperti hari ini sebagai platform untuk memangkin kejayaan yang lebih besar di

masa hadapan. Percayalah peluang tanpa had menanti anda di luar sana. Insha-Allah.

33. Dengan lafaz **Bismillahirrahmanirrahim,** saya dengan ini merasmikan **Ekspo Institusi Pendidikan TVET@KKDW 2024**.

Sekian, terima kasih.